



Talking Points

YB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

Menteri Kanan Pertahanan

30 Mei 2021

Sebelum saya memulakan sidang media petang ini, ingin saya menzahirkan rasa sedih atas pemergian Allahyarham Tan Sri Dr Hj Harussani Zakaria, Mufti Perak yang kembali ke rahmatullah hari ini akibat jangkitan COVID-19.

AL-FATIHAH.

Dua hari lalu, kerajaan telah membuat keputusan bagi melaksanakan total lockdown di seluruh negara setelah mengambil kira situasi semasa kes COVID-19 yang telah mencecah angka lebih 9,000 kes sehari.

Pelaksanaan *total lockdown* atau penutupan penuh melainkan sektor ekonomi perkhidmatan perlu, dilaksanakan susulan kenaikan mendadak kes harian COVID-19 sejak mutakhir ini.

Keputusan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri telah mengambil kira semua aspek termasuk kepentingan kesihatan awam dan juga keselamatan rakyat yang kini diancam oleh penularan virus berbahaya ini.

Dalam erti kata lain, nyawa rakyat pada ketika ini amat penting memandangkan terdapat lebih 70,000 kes aktif ditambah pula kemunculan varian baharu yang lebih mengganas.

Dengan kapasiti wad/katil hospital termasuk Unit Rawatan Rapi (ICU) yang sudah mencapai tahap maksimum, adalah tidak mustahil sistem perkhidmatan kesihatan negara akan lumpuh dalam tempoh terdekat sekiranya *total lockdown* tidak dilaksanakan.

Pada masa sama, kerajaan juga sangat memahami beban tugas yang dihadapi oleh petugas kesihatan kita termasuk anggota pasukan keselamatan. Petugas barisan hadapan kita kini semakin kepenatan dan keletihan melampau selepas lebih setahun berjuang untuk menangani pandemik COVID-19.

Justeru, bantulah *frontliners* kita menyelamatkan sistem kesihatan negara yang bakal lumpuh jika peningkatan kes COVID-19 tidak terkawal.

Kerajaan, melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah membuka hospital-hospital medan bagi membantu meringankan bebanan hospital-hospital yang terjejas akibat peningkatan kes mendadak ini.

Justeru, tempoh *lockdown* yang berkuatkuasa bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021 diharap mampu melandaikan lengkung jangkitan kes COVID-19.

Tempoh dua minggu ini amat penting terutama bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha membendung penularan wabak ini.

Hanya dengan kerjasama dan disiplin, anda mampu membantu menyelamatkan sistem kesihatan negara yang bakal lumpuh jika peningkatan kes COVID-19 tidak terkawal.

Langkah yang diambil ini bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi ia merupakan satu pengorbanan yang perlu dilakukan untuk keselamatan dan kesejahteraan kita bersama.

Saya menyeru kepada segenap lapisan rakyat Malaysia, agar bersama-sama memainkan peranan masing-masing untuk melandaikan lengkung jangkitan wabak ini. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak keluar rumah jika tiada keperluan atau urusan penting.

Pandemik ini bukan mitos atau cerita rekaan. Ambillah iktibar daripada rakyat Malaysia yang telah kehilangan ahli keluarga yang tersayang akibat menjadi mangsa COVID-19.

Perang menentang pandemik COVID-19 ini merupakan peperangan seluruh rakyat. Justeru saya menyeru, semua rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik untuk sama-sama memerangi COVID-19. Ini adalah peperangan kita bersama.

Saya percaya dengan KAWALAN KENDIRI, kita boleh SEKALI LAGI menang dalam PEPERANGAN MENENTANG COVID-19 ini.

Senarai Perkhidmatan Perlu Yang Dibenarkan Beroperasi

Dengan pelaksanaan PKP yang diumumkan ini, semua aktiviti ekonomi dan sosial adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi 17 senarai perkhidmatan perlu seperti berikut:

1. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan
2. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar
3. Air
4. Tenaga
5. Keselamatan (*security and safety*), pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan
6. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan pembedung
7. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
8. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
9. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja)

10. Perbankan, insuran, takaful dan pasaran modal
11. Kredit komuniti (pajak gadai dan Ar-rahnu)
12. E-dagang dan teknologi maklumat
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir
14. Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan)
15. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal
16. Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar
17. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu

Dengan pelaksanaan PKP ini juga, semua Sektor Perkilangan juga **TIDAK DIBENARKAN** kecuali perkhidmatan mengikut sektor seperti berikut:

Pembuatan

1. Aeroangkasa (komponen dan maintenance, repair and overhaul - MRO)
2. Makanan dan minuman
3. Bahan pembungkusan dan percetakan hanya berkaitan bahan makanan dan kesihatan
4. Barang-barang dan penjagaan diri, dan bahan pencuci

5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet
6. Barang penjagaan diri, peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
7. Komponen bagi peranti perubatan
8. Elektrikal dan Elektronik (kepentingan rangkaian ekonomi global)
9. Minyak dan gas (*Oil and Gas*) termasuk petrokimia dan produk petrokimia
10. Mesin dan peralatan hanya berkaitan kesihatan dan makanan sahaja
11. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja
12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir

Kapasiti bekerja yang dibenarkan adalah 60% pekerja sahaja.

Pertanian, Perikanan, Penternakan, Perladangan dan Komoditi

1. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaianya (contohnya kedai yang menjual baja dan racun/kilang memproses buah sawit adalah dibenarkan untuk beroperasi)
2. Perladangan dan komoditi serta rantaianya (kelapa sawit, getah, lada dan koko)

Pembinaan

1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal
2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama
3. Kerja kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ).

Kapasiti bekerja yang dibenarkan adalah secara optima.

Perdagangan Pengedaran

1. Kompleks membeli-belah **DITUTUP kecuali** hanya premis, pasar raya, pasar raya besar dan *departmental store* yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, *mini mart* dan restoran untuk bawa pulang dan penghantaran ke rumah.
2. Pasar raya, pasar raya besar, kedai farmasi, penjagaan diri, kedai serbaneka, *mini mart* dan kedai runcit serta *departmental store* **dibuka TERHAD kepada** seksyen makanan, minuman dan keperluan asas sahaja,
3. Restoran, gerai-gerai serta outlet makanan
4. Dobi (termasuk layan diri)
5. Kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan
6. Kedai cermin mata dan barang optik

7. Kedai *hardware*
8. Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti
9. E-dagang (semua kategori produk)
10. Pemborongan dan pengedaran (semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja)

Semua sektor perniagaan ini dibenarkan beroperasi dari **jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam sahaja**

Berikut merupakan antara SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang akan berkuatkuasa bermula 1 sehingga 14 Jun 2021 bagi seluruh negara:

- **Dua (2) orang** sahaja wakil isi rumah **DIBENARKAN** keluar untuk mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas. Maksimum **tiga (3) orang** sahaja termasuk pesakit dibenarkan keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan, ujian saringan, keselamatan atau kecemasan dalam radius **tidak melebihi 10 kilometer** dari kediaman atau ke tempat paling hampir dengan kediaman sekiranya perkhidmatan kesihatan atau perubatan tersebut tiada dalam radius 10 kilometer dari kediaman.
- Bilangan penumpang dalam teksi dan e-hailing dihadkan kepada dua **(2) orang** sahaja termasuk pemandu dan penumpang disyaratkan untuk duduk kerusi penumpang bahagian belakang.

- Perkhidmatan pengangkutan awam laut dan darat seperti pengangkutan pekerja, bas henti-henti, bas ekspres, LRT, MRT, ERL, Monorel, feri dan lain-lain pengangkutan awam **DIBENARKAN** beroperasi berdasarkan 50% kapasiti kenderaan (waktu operasi dan frekuensi tertakluk kepada Kementerian Pengangkutan) kecuali pesawat.

- Kapasiti kehadiran bagi anggota **Perkhidmatan Awam terhadap kepada 20% bagi tugas perlu** (tidak termasuk *frontliners*, anggota keselamatan dan pertahanan) dan **100% secara bekerja dari rumah (BDR) bagi bukan perkhidmatan perlu**. Manakala kapasiti kehadiran pekerja bagi **sektor swasta dalam perkhidmatan perlu termasuk operasi dan pengurusan terhadap kepada 60%**.

- Secara amnya, semua sektor ekonomi yang berkaitan dengan perkhidmatan perlu boleh beroperasi dari jam 8.00 pagi sehingga 8.00 malam kecuali;
 - Pasar harian : **6.00 pagi hingga 2.00 petang**
 - Pasar Segar Terkawal (PST) : **7.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari**.
 - Pasar Tani Kekal (PTK), MyFarm Outlet (MFO) dan Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) : **6.00 pagi hingga 4.00 petang**.
 - Pasar borong : **12.01 pagi sehingga 6.00 pagi dan 11.00 pagi sehingga 4.00 petang**

- Stesen minyak : **6.00 pagi hingga 8.00 malam** kecuali stesen minyak di lebuhraya boleh beroperasi sehingga 24 jam
- TASKA, tabika, tadika swasta, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi **KECUALI** bagi *frontliners* dan ibu bapa yang kedua-duanya bekerja.
- Aktiviti solat dihadkan kepada maksima 12 orang AJK masjid dan surau sahaja. Aktiviti lain **TIDAK DIBENARKAN**.
- Upacara pernikahan (akad nikah) Islam **DIBENARKAN** hanya di Pejabat / Jabatan Agama Islam dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak Berkuasa Agama Negeri.
- Aktiviti Rumah Ibadat Selain Islam adalah dihadkan kepada maksima 12 orang AJK Rumah Ibadat Selain Islam sahaja dan kehadiran penganut adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Aktiviti sukan dan rekreasi yang dilakukan secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal **TERHAD** kepada **joging dan senaman sahaja** dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 2 hingga 3 meter

dan dilakukan di kawasan kejiranan tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.

Maklumat lanjut mengenai SOP penuh PKP boleh diakses di laman sesawang MKN www.mkn.gov.my dan kementerian-kementerian yang berkaitan.

Dengan pelaksanaan PKP ini, semua surat kebenaran perjalanan untuk bekerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah terbatal mulai 1 Jun 2021. Permohonan baru bagi kebenaran perjalanan perlu dikemukakan kepada kementerian-kementerian yang berkaitan. Menteri Kanan Kerja Raya (Infrastruktur) Datuk Seri Fadillah Yusof akan mempengerusikan mesyuarat penyelarasan berhubung surat kebenaran pergerakan pekerja esok.

Saya juga mendapat laporan dalam media sosial di mana pekerja swasta dipaksa oleh majikan untuk bekerja walaupun Kerajaan telah membuat keputusan hanya 60 peratus dibenarkan bekerja. Selepas ini pihak PDRM dan penguatkuasa Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan membuat pemantauan. Tindakan paling tegas perlu diambil kepada majikan yang degil. Saya juga berharap pekerja melapor segera sekiranya majikan mereka melanggar arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Tujuan pelaksanaan PKP ini adalah untuk mengurangkan pergerakan. Keluar hanya bila benar-benar perlu sahaja.

Dengan penutupan sektor ekonomi dan mengehadkan jumlah pekerja yang bergerak dari 15 juta kepada 1.5 juta sahaja dan dengan semua pihak patuh kepada setiap arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan, saya yakin lengkung jangkitan kes akan dapat dilandaikan.

Pada masa yang sama, saya juga berharap pihak swasta juga akan mematuhi arahan kerajaan agar kita sama-sama menang dalam perang melawan COVID-19.

PKPD Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah.
- Sehingga kini, sebanyak 10 kes telah direkodkan oleh KKM setelah menjalani ujian saringan ke atas 24 penduduk di lokaliti tersebut.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Tanjung Kapor, Kudat, Sabah berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.

- Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Assam, Lahad Datu, Sabah

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi terkini susulan peningkatan kes COVID-19 di Kampung Assam, Lahad Datu, Sabah.
- Dalam tempoh seminggu, 10 kes positif telah direkodkan hasil daripada 13 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Assam, Lahad Datu, Sabah berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.
- Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

PKPD Taman Pelangi, Semporna, Sabah

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Pelangi, Semporna, Sabah.
- Sehingga kini, lapan (8) kes positif COVID-19 telah dikesan setelah KKM melakukan 28 ujian saringan ke atas penduduk di lokaliti tersebut.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Pelangi, Semporna, Sabah berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.
- Pelaksanaan PKPD ini bertujuan menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko ke luar lokaliti tersebut.

Pelanjutan PKPD Bandar Darulaman, Jitra, Kedah

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Darulaman, Jitra, Kedah yang dijadualkan tamat pada 31 Mei 2021.

- Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,085 ujian saringan dan 159 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- KKM mengesahkan jumlah kes semakin meningkat dan kebolehhjangkitan yang amat tinggi di lokaliti ini.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD Bandar Darulaman, Jitra, Kedah bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.

PKPD 2 perkampungan di Kota Belud, Sabah

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) perkampungan di Kota Belud, Sabah iaitu:
 - Kampung Payas-Payas
 - Kampung Rampayan Laut
- Berlaku peningkatan yang amat ketara dalam tempoh 10 hari apabila 9 kes dikesan di Kg. Payas-payas dan 11 kes telah dikesan di Kg. Rampayan Laut. Terdapat risiko penularan yang tinggi Di kedua-dua kampung disebabkan penduduk yang padat.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.

- Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan penduduk serta mengekang penularan COVID-19 ke luar kawasan tersebut.

Pelanjutan PKPD Lubuk Kawah, Jitra, Kedah

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lubuk Kawah, Jitra, Kedah yang dijadualkan tamat pada 31 Mei 2021.
- Sepanjang tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 632 ujian saringan dan 48 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- KKM mengesahkan jumlah kes semakin meningkat dan kebolehjangkitan yang amat tinggi di lokaliti ini.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD Lubuk Kawah, Jitra, Kedah bermula 1 Jun sehingga 14 Jun 2021.

Penamatan PKPD 16 lokaliti di Sungai Ruan dan 7 lokaliti di Sempalit, Raub, Pahang

- Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 16 lokaliti di Sungai Ruan dan 7 lokaliti di Sempalit, Raub, Pahang yang dijadualkan tamat pada 4 Jun 2021.
- Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 894 ujian saringan di Sungai Ruan dan 65 daripadanya disahkan positif COVID-19 manakala 824 ujian saringan dilakukan di Sempalit, 47 didapati positif COVID-19.
- KKM mendapati berlaku penurunan kes dan tiada kes baru direkodkan di Sungai Ruan dan Sempalit sejak 21 Mei 2021.
- Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di 16 lokaliti di Sungai Ruan dan 7 lokaliti di Sempalit, Raub, Pahang pada 31 Mei 2021 lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

- Semalam, Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai PDRM telah melakukan **69,542 pemeriksaan** bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan SOP PKP.
- **Seramai 749 individu ditahan** atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai **729 individu dikompaun** manakala **18 lagi direman** dan **dua (2) dijamin**.

Antara kesalahan yang direkodkan:

- Tidak memakai pelitup muka **(180)**
- Tiada penjarakan fizikal **(138)**
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis **(120)**
- Bawa penumpang berlebihan **(55)**
- Lain-lain kesalahan **(256)**

Kawalan Sempadan Negara

- Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah **merampas tiga (3) buah kenderaan darat**.
- Sebanyak **158 buah bot/kapal** turut dikesan di perairan negara **melalui Sembilan (9) aktiviti penglihatan**.
- Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi

Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan **603 Sekatan Jalan Raya (SJR)** semalam iaitu:

- Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA) - **549 SJR**
- Op BENTENG PDRM - **45 SJR**
- Op BENTENG AKSEM - **9 SJR**

Operasi Sanitasi Awam

- Semalam, sebanyak **215 operasi sanitasi** dilakukan meliputi **77 zon merah, lima (5) zon jingga, tiga (3) zon kuning dan satu (1) zon hijau** di seluruh negara.
- Operasi sanitasi ini melibatkan **1,241 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** dan **190 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** serta **217 buah jentera JBPM**.
- Sebanyak **25,467** operasi sanitasi yang merangkumi **156 zon** telah dilakukan sejak **30 Mac 2020**. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

- Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai **214,126 individu** telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di **77 hotel dan 11** Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.
- Daripada jumlah itu, seramai **8,323 individu** telah **dikuarantin** dan **203,567 orang** dibenarkan pulang manakala **2,236 lagi** dibawa ke hospital.
- Semalam, seramai **786 individu** tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan telah dikuarantin di stesen kuarantin di seluruh negara.